# SABAR DENGAN MUSIBAH COVID-19



*"... Namun dalam keadaan apa pun yang Allah Ta'ala takdirkan seterusnya kita akan tetap teguh beriman dan kukuh bertaqwa. Sebab kita yakin sesungguhnya Allah Ta'ala telah mensyaratkan kepada penduduk sesebuah negeri bahawa mereka hendaklah teguh beriman dan kukuh bertaqwa supaya mereka dan negeri mereka mendapat limpah rahmat Allah berupa al-barakaat daripada berbagai sumber. Rahmat yang dijanjikan Allah itu termasuklah khasnya dalam bentuk kemakmuran serta keamanan, kebahagiaan serta kesejahteraan sebagaimana mafhum firman-Nya ayat 96 Surah al-A'raaf: (لَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَى آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ). Mafhumnya: "Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi..."*

(Kata-kata aluan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama sempena Majlis Sambutan Awal Tahun 1440 Hijrah, Peringkat Negara pada Hari Isnin Malam Selasa, 1 Muharram 1440h bersamaan 10 September 2018M)

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 21 Oktober. - Sebagai hamba Allah, kita tidak dapat lari dari apa jua ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala, sama ada berupa kebaikan, kesenangan dan keburukan ataupun kesusahan.

Semua ini, harus kita imani dengan teguh dan sabar juga dengannya kita mengharapkan hikmah, kebaikan dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Dalam masa yang sama, kita juga tidak menafikan usaha yang diiringi tawakal dan dilaksanakan mengikut kemampuan juga pengetahuan kita yang ada, selagi mana ia dibenarkan di dalam syariat Islam.

Tidak dapat dinafikan juga, ujian pandemik COVID-19 ini adalah amat berat dan ia dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat, sama ada kaya, miskin, muda atau tua. Maka di dalam ujian ini, siapa yang kembali kepada Allah jua, maka merekalah sebaik-baik hamba yang beriman.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nahl, ayat 53, tafsirnya : *"Dan segala nikmat yang ada pada kamu, ia adalah daripada Allah, kemudian apabila kamu ditimpa kemudaratan, maka kepada-Nyalah kamu meminta pertolongan".*

Rasulullah juga telah bersabda, yang bermaksud, "*...Sekiranya engkau ditimpa sesuatu musibah, maka jangan engkau berkata : "Sekiranya (kalau) aku lakukan begini maka sudah pasti lain yang berlaku". Tetapi katakanlah : "Itu merupakan takdir Allah dan Dia melakukan apa yang dikehendaki-Nya, sesungguhnya 'kalau' akan membukakan pintu amalan syaitan*". (Hadis riwayat Muslim).

Rasulullah juga telah bersabda, dari Hadis Riwayat Bukhari yang bermaksud, "*Tidak ada sesuatu yang menimpa seseorang Islam sama ada kepenatan, kesakitan, kesusahan memikirkan perkara yang akan datang, kedukaan, sesuatu yang menyakiti atau kesusahan mengingatkan apa yang telah berlaku sehinggakan tikaman duri yang mencucuknya melainkan Allah hapuskan dengan sebabnya, sebahagian dari dosa-dosanya*".

Di dalam Terapi Kejiwaan, yang bertajuk 'COVID-19 : Qada & Qadar Ketentuan Allah', yang disediakan oleh Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama, menyatakan di sebalik keimanan kita kepada qada dan qadar itu, ada banyak hikmah yang tersembunyi yang boleh kita renungkan, antaranya jiwa kita menjadi tenang; istiqamah dalam landasan yang betul, sama ada di kala senang mahupun susah; memupuk akhlak terpuji dan sifat-sifat positif di sanubari orang beriman; memahami syariat Islam dengan kefahaman yang betul; memenuhkan hati orang beriman dengan jiwa yang suci, yang meyakini keagungan Allah; sentiasa berasa cukup, tenang dan hanya berharap kepada rahmat Allah; reda akan ketentuan Allah dan membuatkan kehidupan "harian individu mukmin sentiasa ingat akan kebesaran Allah.

Allah mentakdirkan setiap penyakit ada ubatnya. Ini, termasuklah wabak COVID-19 dengan kepelbagaian variannya itu pada ada ubatnya, sama ada yang sudah ditemukan ataupun belum.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan terus menerus menganugerahkan kepada kita semua kesihatan, keafiatan, rezeki yang halal dan banyak, umur yang penuh keberkatan juga keselamatan, di dunia dan akhirat.




# Kecintaan kepada Rasulullah bawa ke syurga Allah




**UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara maya, yang disertai oleh Rektor UNISSA juga pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan juga para mahasiswa UNISSA.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 21 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara maya.

Hadir selaku tetamu kehormat, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan juga para mahasiswa UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa memohon kepada Allah supaya selamat daripada bala juga sekalian jenis penyakit, khususnya wabak COVID-19, dipimpin oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Md. Daud bin Pengiran Matassan.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Dikir Marhaban beramai-ramai, diketuai oleh Pegawai Kerja Sambilan UNISSA, Awang Hamzah bin Haji Jali.

Tazkirah Khas, yang bertemakan 'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat' pula disampaikan oleh Timbalan Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam UNISSA, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada tazkirah tersebut, bahawa kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah kecintaan yang unggul.

Kecintaan yang membawa umat Baginda menuju ke syurga Allah. Sewajarnya kita umat Islam berusaha untuk memahami dan menghayati sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita menjadi manusia yang mendapat kemuliaan, di sisi Allah.

Tujuan majlis tersebut diadakan adalah bagi memperingati hari kelahiran Baginda Rasulullah, di samping memupuk semangat perpaduan dan rasa cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebelum itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga meraikan Sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan Majlis Malam Penutup Dikir, pada 18 Oktober 2021 setelah Majlis Berdikir sepanjang 12 Malam Berturut-turut, yang melibatkan para mahasiswa dari setiap fakulti dan pusat akademik.